

NAMA: _____

KELAS: _____

Kata pembenar ialah perkataan yang digunakan untuk mengesahkan sesuatu pernyataan dan pertanyaan. Kata pembenar yang selalu digunakan ialah ya, benar, dan betul.

Contoh ayat

Ya, soalan ini memang senang

Betul, hotel itu menawarkan perkhidmatan yang baik.

Benar, itulah guru kelas saya.

Tulis kata pembenar yang tepat bagi ayat di bawah.

1. “_____ , saya akan datang esok”, kata Zulkefli kepada Mat Jani.
2. “_____ , merekalah yang memancing di situ”, kata Ali kepada Padin.
3. “_____ , begitulah caranya memotong bawang”, kata ibu kepada adik.
4. _____, buku itu dipinjam dari perpustakaan sekolah.
5. _____, inilah cara mengulang kaji pelajaran yang paling berkesan.
6. _____, kenderaan itu tidak sesuai dinaiki oleh Mas sekeluarga

Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana.

Perkataan ini biasa digunakan dalam **bahasa Melayu lama/klasik**.

Contoh:

Kata pangkal ayat	Maksud
Hatta	hingga/maka
Maka	seterusnya
Syahadan	adapun setelah itu.
Adapun	sebenarnya
Kalakian	seterusnya.
Sebermula	setelah itu.
Alkisah	kemudian cerita seterusnya.
Arakian	akhirnya

Tulis kata pangkal ayat yang betul bagi ayat-ayat berikut.

1. _____ istana itu pun siaplah.
2. _____ panglima itu pun diberi persalinan.
3. _____ baginda pun berangkatlah meninggalkan Melaka.
4. _____ kuda itu dipunyai oleh Tun Omar.
5. _____ tidak beberapa lama kemudian hamillah permaisuri.
6. _____ berlakulah permusuhan antara kedua-dua kerajaan.
7. _____ berburulah baginda bersama-sama hulubalangnya
8. _____ bersemayamlah baginda di istana baru.

